

Alumni UMP Sumbang Ilmu Kepada Bakal Usahawan Siswa



Pekan, 12 Februari – Seramai 20 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (MP) dari Perwakilan Kolej Kediaman 5 (PEKA 5) di bawah Exco Keusahawanan dan Tajaan berpeluang mengikuti program Jejak Usahawan 1.0 bagi berkongsi pengalaman dengan tiga usahawan terkenal yang telah berjaya dalam bidang masing-masing. Mereka adalah Pengasas Benang Hijau Sdn.Bhd, Fadzilah Muhammad@Mamat, Pengasas Supercat International Sdn.Bhd. Mohd. Dzul Qarnain Ahmad Suhaimi dan Pengasas Easy Technology Resources, Ali Ikhwan Mohd Noordin.

Menurut Pengerusi Exco Keusahawanan dan Tajaan, Mohamad Fahmi Faiz Mokhtar berkata, program ini bertujuan untuk memberi motivasi kepada mahasiswa UMP bagi memulakan sesuatu perniagaan dengan yakin dan mempelajari teknik-teknik pemasaran yang lebih berkesan secara terus dari usahawan yang telah mencipta nama dalam kerjaya mereka.

“Mahasiswa berpeluang mengunjungi premis perniagaan dan pejabat urusan mereka yang terletak di sekitar Bangi Sentral, Shah Alam dan Gombak. Kunjungan ini secara tidak langsung dapat memotivasikan mahasiswa untuk turut sama berjaya dan mempunyai empayar perusahaan mereka sendiri,” katanya.

Pertemuan dengan Mohd. Dzul Qarnain yang merupakan alumni UMP dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) ini banyak memberikan input berguna dari sudut pemasaran produk. Beliau juga tidak lokek untuk mengajar secara terus bagaimana untuk menasaskan pelanggan yang betul agar selari dengan produk yang dijual. Menurutnya, perniagaan adalah bidang yang mencabar untuk diceburi namun hasilnya amat lumayan dan bernilai bagi mereka yang tidak jemu untuk berusaha serta menyeru mahasiswa agar berani menceburi bidang perniagaan.

Begitu juga dengan Fazilah yang mempunyai latar belakang akademik dalam jurusan kejuruteraan dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) turut menyuntik semangat motivasi kepada mahasiswa agar untuk berani mengambil peluang untuk menceburi diri dalam bidang perniagaan. Beliau juga menasihatkan mahasiswa agar bermula dari bawah dengan berniaga secara kecil-kecilan untuk belajar bagaimana sesuatu perniagaan itu beroperasi dan menjana keuntungan. Namun demikian sebagai mahasiswa apa yang lebih penting tidak mengabaikan amanah utama iaitu pelajaran di universiti.

Manakala bagi Ali Ikhwan berkongsi mengenai cara untuk memasarkan produk menggunakan medium media sosial seperti Facebook Advertisement (FB Ads) dan juga Instagram. Beliau banyak menekankan perniagaan secara online kerana iannya merupakan medium perniagaan yang digemari oleh pelanggan pada masa kini kerana ianya mudah dan terkini.

Beliau mengharapkan program ini dapat memberi gambaran sebenar kepada mahasiswa persediaan bagi memulakan perniagaan yang dijalankan untuk menjadi usahawan muda yang berdaya saing serta melahirkan usahawan baharu dalam kalangan mahasiswa.

Disediakan oleh Muhammad Fauzi Ali dari Perwakilan Kolej Kediaman 5 (PEKA 5) dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat